

## Penambahbaikan PBT

- Penubuhan pusat sehati atau 'one stop centre' (OSC) di setiap PBT bagi mempercepat proses permohonan pembangunan hartanah dari mula hingga akhir dengan kelulusan dibuat di satu tempat saja supaya lebih sistematik.
- Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) bagi menggantikan sistem Sijil Layak Menduduki (CFO).
- Penggubalan Akta Bangunan dan Harta Bersama yang akan mewujudkan fungsi Pesuruhjaya Bangunan sebagai perantara antara pemilik unit strata dengan pihak pengurusan bangunan.
- Pelancaran Konsep Bina Dan Jual, dengan kerajaan akan memberikan pelbagai insentif untuk menggalakkan pemaju beralih kepada penggunaannya.

# 4 langkah atasi birokrasi di PBT

B.H m/s 1 14.4.07

## PM umum inisiatif tingkat mutu pentadbiran awam

Oleh Abdul Halim Yusoff

**P**ETALING JAYA: Kerajaan semalam mengumumkan empat inisiatif baru untuk menambatkan sistem pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi mengurangkan kerenah birokrasi, sekali gus meningkatkan mutu sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata empat inisiatif itu yang membabitkan aspek pembangunan, penyelenggaraan dan pengurusan hartanah, mam-

pu mengembangkan ekonomi negara dan memajukan taraf hidup rakyat.

Katanya, inisiatif itu sebahagian daripada penyelesaian yang diolah bagi mengatasi sebahagian besar kelemahan penyampaian perkhidmatan awam pada peringkat PBT.

"Kerajaan komited untuk mengurangkan birokrasi dan kelewatan bagi meningkatkan daya saing negara yang dinilai pelabur daripada pelbagai aspek," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyam-

paian Perkhidmatan Awam: Penambahbaikan Urusan Pemajuan Serta Penyenggaraan Dan Pengurusan Hartanah, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting dan menteri kabinet, Menteri Besar serta Ketua Menteri.

Empat inisiatif yang diperkenalkan itu ialah penubuhan pusat sehati atau 'one stop centre' (OSC) di

# Agensi diberi dua bulan laksana sistem baru

B.H M/S 2 14.4.07

DARI MUKA 1

setiap PBT dan Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) bagi menggantikan sistem Sijil Layak Menduduki (CFO).

Turut dilancarkan ialah penggubalan Akta Bangunan dan Harta Bersama yang akan mewujudkan fungsi Pesuruhjaya Bangunan sebagai perantara antara pemilik unit strata dengan pihak pengurusan bangunan.

Inisiatif keempat ialah pelancaran rasmi Konsep Bina Dan Jual, dengan kerajaan akan memberikan pelbagai insentif untuk menggalakkan pema-ju beralih kepada penggunaannya.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, menerusi konsep OSC diperkasakan itu, setiap anggota pusat berkenaan ialah daripada pelbagai jabatan teknikal yang relevan diketuai Yang Dipertua PBT.

Katanya, pelaksanaan konsep OSC dapat mempercepat proses permohonan pembangunan hartanah dari mula hingga akhir dengan kelulusan dibuat di satu tempat saja supaya lebih sistematik dan selaras.

"Ini bermakna proses yang dulunya mengambil masa tiga hingga lima tahun, akan dipercepatkan kepada empat bulan untuk projek tertentu (seperti Bina Dan Jual atau berimpak besar), manakala yang lain diproses dalam enam bulan," katanya.

Perdana Menteri berkata, penggunaan sistem CCC bagi menggantikan CFO sedia ada pula dibuat berikutan pindaan undang-undang untuk membolehkan pengesahan penyediaan binaan dilaksanakan profesional seperti arkitek dan jurutera bertauliah.

"Sistem ini membolehkan CCC dikeluarkan serentak dengan hak milik kosong dikeluarkan pema-ju dan ia diguna pakai un-



**KHIDMAT LEBIH CEKAP:** Abdullah dan Najib melihat Buku Panduan yang ditunjukkan Ong sempena Persidangan Mempertingkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan-Penambahan Urusan Cadangan Pemajuan Serta Penyenggaraan Dan Pengurusan Tanah, di Petaling Jaya, semalam.

tuk semua permohonan baru projek pembangunan bermula sekarang.

"Walaupun pengeluaran CCC akan diuruskan sepenuhnya ahli profesional swasta, ia bukan bermakna kerajaan tidak menghiraukan aspek keselamatan atau kepentingan pembeli rumah," katanya.

Perdana Menteri berkata, bagi mengelakkan masalah penyelarasan pada peringkat awal pelaksanaannya, beliau memberi tempoh dua bulan kepada kerajaan negeri, daerah dan PBT untuk menyesuaikan diri dengan hala cara baru berkenaan.

Selepas tempoh itu, katanya, beliau tidak mahu lagi mendengar ada salah faham, atau kalam-kabut di kalangan agensi berkenaan untuk melaksanakan inisiatif terbabit hingga menjejaskan mutu perkhidmatan pengguna.

Abdullah berkata, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan membantu serta memantau pelaksanaan inisiatif itu menerusi pasukan Inspektorat, yang akan memberi maklumat mengenai status pelaksanaannya kepada Kabinet

selepas dua bulan.

Mengulas mengenai pindaan akta membabitkan hak milik strata, beliau berkata, proses pengeluarannya dipendekkan kepada 12 bulan, dan dengan penambahbaikan berterusan di Pejabat Tanah, ia akan dipendekkan lagi kepada kurang enam bulan.

Sementara itu, bagi konsep Bina Dan Jual, Abdullah berkata, ia adalah alternatif kepada konsep Jual Dan Bina yang sebelum ini dikatakan sering menjadi punca projek lewat atau terbengkalai.

"Bagi menggalakkan pema-ju melaksanakan konsep Bina Dan Jual, kerajaan memberi beberapa insentif termasuk pelepasan deposit bagi permohonan lesen dan tempoh memproses cadangan pembangunan dipendekkan kepada empat bulan," katanya.

## FAKTA NOMBOR

Proses mohon pembangunan hartanah

**5 tahun**

Proses dulu

**4 bulan**

Konsep OSC